

**TITAH UCAPAN DYMM TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA IBNI
TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAI SEMPENA LAWATAN KE
KAWASAN OPERASI OPS PASIR**

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Waramatullahi Taala Wabarakatuh Dan Selamat Sejahtera.

Yang Amat Berhormat, Dato' Seri Shahidan Bin Kassim, Menteri Besar Perlis

Pegawai Kanan Tentera Darat, Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan Negeri Perlis

Yang Berbahagia, Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Rektor KUKUM

Dif-dif Kehormat dan anggota-anggota tentera yang saya hormati sekalian.

Syukur ke hadrat Allah Subbhanu Wataala di atas limpah kurnia dan izinNya dapat kita bertemu serta beramah mesra di majlis pada malam ini. Semoga pertemuan kita pada malam ini di bulan Ramadhan, bulan istimewa bulan yang penuh dengan keberkatan dan rahmat hendaknya diberkati Allah S.W.T.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana telah memberi peluang kepada saya untuk melihat perlaksanaan Ops Pasir yang dijalankan di perairan Sabah. saya juga amat berbangga kerana berpeluang bertemu dengan anggota-anggota keselamatan yang bertugas jauh dari kampung halaman demi negara tercinta.

Hadirin sekalian,

1. Setelah negara mencapai kemerdekaan dan terhapusnya penganas komunis dalam negara, peranan pasukan keselamatan tidak tamat begitu sahaja, bahkan terpaksa memikul tugas-tugas yang baru yang sama berat tanggungjawabnya dengan yang lama. Dunia yang semakin moden dan maju akan menghadirkan ancaman-ancaman baru tanpa kita sedari yang mampu menjejaskan keselamatan negara.

Anggota tentera ibarat lambang keselamatan dan kesejahteraan sesebuah negara. Kemakmuran dan kesejahteraan negara yang kita nikmati hingga kini hasil daripada tanggungjawab yang dilaksanakan oleh anggota tentera. Sejarah telah membuktikan bahawa keamanan sesebuah negara hanya terjamin apabila adanya pasukan tentera yang dapat mempertahankan kedaulatan dan melindungi rakyatnya. Alhamdulillah dengan apa yang kita kecapai pada hari ini membuktikan bahawa anggota tentera telah melaksanakan kewajipan mereka dengan sebaik-baiknya.

2. Tuan-tuan sebagai anggota tentera tidak pernah gentar menjadi benteng yang sentiasa berada di barisan hadapan dalam apa jua keadaan sekali pun. Kesanggupan tuan-tuan tidak terbatas pada tempat dan masa. Semangat waja dan keberanian yang ditunjukkan ini terbukti dengan keadaan negara kita yang sentiasa aman damai tanpa kacau-bilau dan jauh dari sebarang ancaman. Namun di sebalik keamanan yang kita kecapai, kita tidak boleh leka sebaliknya memastikan keselamatan perairan negara dan mencegah daripada sebarang aktiviti tidak bertanggungjawab khususnya melibatkan pihak-pihak luar.

3. Rakyat tidak pernah lupa akan pengorbanan tuan-tuan yang meninggalkan keluarga tersayang demi menyahut seruan dan kesetiaan kepada negara. Lebih-lebih lagi ketika bertugas di bulan Ramadhan dan terpaksa berpisah serta berjauhan dengan isteri dan anak-anak atau orang yang disayangi demi menunaikan amanah dan tanggungjawab. Tugas dilaksanakan dengan penuh komitmen dan dedikasi. Dengan kesediaan, kerelaan dan perjuangan murni inilah rakyat di negara ini dapat menikmati segala keselesaan hidup dalam suasana aman dan tenteram. Tugas tuan-tuan adalah tugas yang mulia. Sebagai rakyat negara ini yang hidup dalam aman makmur dan sejahtera, kita patut bersyukur di atas pengorbanan anggota tentera kita.

4. Akhir kata saya bagi pihak para pemimpin dan rakyat mengucapkan *"Selamat Berpuasa dan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir Batin"* kepada seluruh anggota tentera yang bertugas di perairan Sabah. Berhati-hati dan berwaspadalah semasa menjalankan tugas. Kami sentiasa mendoakan semoga para pejuang kita berjaya mencapai misi perjuangan mereka dan selamat kembali menemui keluarga. Dan sentiasa dilindungi Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Saya sudahi ucapan dengan wabillahi taufik walhidayah wasalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.